

MAHATHIR  
(I)

DARI EFFENDI ARIFFIN

1984

DAVOS (SWITZERLAND), 28 JAN. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERCAKAP MENENTAKAN TIGA PILIHAN YANG TERBUKA KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK MENGEKALKAN KEMERDEKAAN.

MEREKA PERLU SAMADA MEMASUKI MANA-MANA KUMPULAN; MENJADI PELANGGAN MANA-MANA KUASA BESAR ATAU MEMBINA TENTERA YANG KUAT UNTUK MEMPERTAHKAN DIRI MEREKA, KATANYA.

KETIKA BERUCAP DALAM SIDANG PLENO SIMPOSIUM ANTARABANGSA DI SINI BELIAU BERKATA UNTUK MENGEKALKAN PASUKAN TENTERA BERMAKNA MEREKA TERPAKSA MENGELUARKAN PERBELANJAAN YANG BESAR DAN DENGAN ITU MENYELITKAN EKONOMI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, DALAM BEBERAPA KES NEGARA KETIGA TELAH MENERIMA KENYATAAN MEREKA TERPAKSA MEMBANGUN DAN OLEH ITU TERPAKSA PULA MEMIHAK DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN ATAU KUMPULAN.

PEROANA MENTERI BERKATA JIKA NEGARA DUNIA KETIGA MENJADI PELANGGAN KEPADA MANA-MANA KUASA BESAR MEREKA AKAN KEMBALI KE KEDUDUKAN ASAL.

-- LAGI 2355/OM

ZCZC 8658

MAHATHIR 2 DAVOS

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBANYAKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN IALAH BEKAS TANAH JAJAHAN +TETAPI SEKARANG DALAM USAHA UNTUK MENGEKALKAN KEMERDEKAAN MEREKA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA SESUATU KUASA BESAR DAN JPKA ANDA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN ANDA TIDAK LAGI MERDEKA+.

SATU BENTUK-PENJAJAHAN BARU AKAN WUJUD, KATANYA, DIMANA KEDUDUKAN POLITIK NEGARA-NEGARA TERSEBUT PERLU DIAMBIL KIRA KUASA YANG MELINDUNGI MEREKA KERANA JIKA MEREKA MENENTANG KUASA TERSEBUT MEREKA AKAN KEHILANGAN SOKONGAN DAN BANTUAN, TANGANNYA.

+KITA TELAH MELIHAT BEBERAPA BUAH NEGARA YANG SERING MENUKARKAN PENAUNG MEREKA,+ KAPANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAGI NEGARA-NEGARA KETIGA MASALAH CAMPURTANGAN DAN KESELAMATAN MEMPUYAI PENGERTIAN YANG AGAK BERBEDA DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

MENGENAI MALAYSIA, BELIAU BERKATA NEGARA INI MEMPUYAI KERAJAAN YANG KUKWH DAN MERUPAKAN SESUATU NEGARA YANG AMAN TETAPI TERDAPAT ANCAMAN DALAM RANTAU INI KERANA KENHADIRAN TENTERA ASING DI SETENGAH NEGARA. -- LAGI 0010/MB  
MAHATHIR 3 DAVOS

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEMAKIN MENJADI A R E N A PERBALAHAN TIMUR-BARAT DAN TEMPAT MENGUJI UNTUK SENJATA-SENJATA BARU.

PERWAKILAN KE PERSIDANGAN ITU MEMBERI SAMBUTAN HANGAT KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAIK BAHAWA BELIAU MENAMATKAN UCAPANNYA.

KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA MENGALU-ALUKAN PANDANGAN PEROANA MENTERI DENGAN MENYATAKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN PEMIMPIN DUNIA KETIGA YANG BENAR-BENAR MENIMBULKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SECARA BERANI DAN BERTERUS TERANG.

SEORANG PENGUSAHA BRITAIN YANG MENGHADIRI SIMPOSIUM ITU, MARTINK. LANG BERKATA BELIAU TERTARHK ATAS +UCAPAN REALISTIK+ PERDANA MENTERI DAN SL KAPNYA YANG BERTERUS TERANG.

PERWAKILAN LAIN BERPENDAPAT DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPUYAI KELEBIHAN KERANA BELIAU BOLEH BERDIRI DI TENGAH-TENGAH DAN MELIHAT KEDUA-DUA BELAH TANPA MENGAMBIL PANDANGAN +HIJAU ATAU PUTIH+.

-- BERNAMA 0027/MB